



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1)**  
**22 APRIL 2010**

Sehingga jam 8:00 pagi pada 22 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tujuh (7) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) buah negeri seperti di '**Lampiran 1**'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 21 April 2010, sejumlah 24 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,298. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 649 kes. Daripada jumlah tersebut, 91 kes (14.0%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah 13 kes di mana 11 daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 22 April 2010

**'Lampiran 1'**

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 22 April 2010**

<b>Bil.</b>	<b>Institusi</b>	<b>Bil. terdedah</b>	<b>Bil. Kes ILI di dalam kluster</b>	<b>Keputusan Sampel Positif H1N1</b>	<b>Tindakan diambil</b>
1	Institut Kemahiran Tinggi Batu Pahat, Johor	741 orang	5 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
2	Tadika KEMAS Al-Alif, Parit Khalid, Parit Raja, Johor	22 orang	2 orang	1 sampel positif H1N1	1 dimasukkan ke wad, rawatan simptomatik diberi kepada yang lain sebagai pesakit luar
3	Asrama SMU (A), Tarbiah Diniah, To' Uban, Pasir Mas, Kelantan	250 orang	4 orang	Menunggu keputusan	3 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar, pelajar diasingkan di asrama sekolah
4	PLKN Bukit Jong, Kuala Krai, Kelantan	471 orang	3 orang	Menunggu keputusan	3 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar dan diasingkan di bilik isolasi
5	Kuarters dan Penjara Kluang, Johor	4998 orang	5 orang	Menunggu keputusan	1 dimasukkan ke wad, 4 dirawat sebagai pesakit luar, 4 diberi rawatan antiviral dan banduan diasingkan di sel berasingan
6	SJK (T) Taman Ungku Tun Aminah, Johor Baru, Johor	2285 orang	3 orang	3 sampel positif H1N1	3 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
7	SBP Integrasi Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu	644 orang	26 orang	Menunggu keputusan	7 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar